

TAHUN 2009 dikhususkan oleh RISDA sebagai Tahun Transformasi

Pengembangan bagi mempergiat dan memantapkan lagi aktiviti pengembangan dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pekebun kecil. Justeru, lima kejayaan utama yang dicapai oleh agensi berkenaan dianggap sebagai pencapaian memberangsangkan sepanjang tahun lalu.

Malah, pencapaian cemerlang ini tidak sekadar membuktikan kesungguhan RISDA dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemangkin kepada pekebun kecil, sekali gus dilihat mampu memberi impak terus kepada golongan sasaran.

Pengerusi RISDA, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata, antara kejayaan utama yang membanggakan ialah kemampuan RISDA mengembangkan operasinya ke Sabah apabila kabinetnya pada 11 Disember lalu meluluskan kemasukan RISDA ke negeri itu.

"Kita merancang mengadakan 13 program utama yang antaranya merangkumi pembangunan tanah individu, mempelbagaikan sumber pendapatan pekebun kecil, pembangunan isi rumah, pembangunan usahawan dan bekalan benih getah serta kelapa sawit yang mana kita rasakan jika RISDA secara langsung membekalkan anak benih ini, harganya akan lebih rendah.

"Itu sebahagian rancangan yang akan membawa kebaikan kepada rakyat Sabah, khususnya masyarakat pekebun kecil," katanya.

Selain itu, menurut Rahim pindaan Akta RISDA yang diluluskan oleh Parlimen pada 10 Disember lalu sekali gus menjadikan skop kumpulan sasaran RISDA akan menjadi lebih luas dengan pindaan definisi pekebun kecil. Secara langsung perluasan makna dan takrif itu membolehkan RISDA membantu masyarakat pekebun kecil secara lebih meluas. Di bawah perubahan akta ini juga, RISDA turut mengadakan peruntukan aktiviti ekonomi komersial dan memasukan peruntukan pentadbiran agensi sejajar kehendak semasa.

Rahim berkata, tahun 2009 juga menyaksikan keupayaan RISDA membuat perancangan penstrukturan semula syarikat milik RISDA menerusi penubuhan RISDA Holdings.

"Kita mempunyai 11 anak syarikat yang dulunya ditadbirkan secara langsung oleh syarikat berkenaan. Disebabkan perubahan masa, kita mahu pastikan anak-anak syarikat ini lebih profesional serta mempunyai keupayaan menjalankan perniagaan lebih berkesan bukan sahaja di peringkat domestik bahkan di peringkat antarabangsa.

"Kita percaya dengan adanya RISDA Holdings yang akan menggunakan khidmat sebuah syarikat profesional dapat meningkatkan kecekapan setiap



RAHIM (tengah) menyampaikan replika cek dividen hasil keuntungan peserta TKS RISDA Daerah Muar/Ledang kepada wakil peserta sempena majlis pelancaran Strategi Peningkatan Produktiviti Getah & Sawit Peringkat negeri Johor 2010 dan Dewan Rancangan Pembangunan Kawasan (RPK) di Kampung Parit Tengah, Air Hitam, Muar, baru-baru ini.

aktiviti, transaksi dan perniagaan yang dijalankan mengikut kaedah persyarikatan yang baik (good corporate governance).

"Pendekatan ini secara tidak langsung akan menggalakkan pekebun kecil terbabit secara aktif dan menggalakkan penambahan pendapatan mereka.

"Pendapatan dividen menjadi keuntungan kepada RISDA dan keuntungan ini akan diagih kepada pekebun kecil dengan mengadakan aktiviti membantu masyarakat terbabit melalui sumber dalam kita," katanya.

Menurut Rahim, pendekatan yang dibuat ini menjurus kepada kepada beberapa kebaikan. Selain meningkatkan kecekapan, ia dapat memanfaatkan sumber sepenuhnya, meminimumkan pembaziran (sumber), melahirkan perkongsian pengetahuan dan kemahiran, memastikan pembangunan ekonomi yang tersusun sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan dan juga memanfaatkan rantaian nilai (hulu/hilir).

Malah, RISDA juga memberi tumpuan untuk projek tanam semula komersil (TSK) yang mana agensi itu menetapkan supaya setiap Pusat Tanggungjawab seluruh negara membangunkan sebuah projek TSK (1PT 1TSK).

Fokus seterusnya adalah memberi tumpuan mengadakan prasarana dalam ladang dengan memperluaskan skopnya supaya meliputi pemberian pagar dan pelindung pokok untuk meningkatkan lagi aspek keselamatan dan pengeluaran kebun.

"Dulu aspek prasarana ini, kita anggap sebahagian kos yang akan ditanggung oleh pekebun. Kita hanya beri RM7,000 untuk kegunaan tanam semula dan sekiranya pekebun berasaskan perlu untuk mengadakan prasarana, kita akan memberi pinjaman untuk tujuan berkenaan dan perlu membayar balik.

"Tetapi sekarang perbelanjaan itu akan disediakan oleh RISDA, jadi saya kira ini adalah satu berita baik kepada pekebun kecil," jelas Rahim.

Selain itu, RISDA juga mengekalkan pemberian insentif untuk projek berkumpulan melalui Bantuan Tabung Pelancaran dan Bantuan Premium Tanah bagi menarik lebih ramai pekebun kecil menyertai program tanam semula secara berkumpulan.

Agensi terbabit juga akan memperkenalkan amalan sistem e-tanam semula bertujuan menyelaras perisian aplikasi e-tanam, e-tanam, e-kebudan dan e-tanam semula bagi membolehkan pekebun kecil memohon tanam semula dan memperoleh kelulusan dalam tempoh satu hari.

Beberapa penekanan lagi yang turut diberi perhatian dalam senarai program perancangan pembangunan bagi 2010 merangkumi usaha mempertingkatkan kawalan mutu benih, memperkenalkan benih tisu kultur dan tumpuan terhadap pembangunan usahawan.



“Pendapatan dividen menjadi keuntungan kepada RISDA dan keuntungan ini akan diagih kepada pekebun kecil dengan mengadakan aktiviti membantu masyarakat terbabit melalui sumber dalaman kita”

Rahim Tamby Chik
Pengerusi RISDA



FAKTA NOMBOR

RISDA

RM499j

Peruntukan pengurusan dan pembangunan 2009

RM441j

Cadangan peruntukan bajet bagi pembangunan 2010

RISDA

laksana penyatuan aset dan sumber

Penubuhan RISDA Holdings mampu tingkat kecekapan anak syarikat, tambahakan produktiviti

anak syarikat dari segi mengoptimalkan sumbernya serta kebolehan untuk menambahkan lagi produktiviti, seterusnya berinteraksi di pasaran terbuka sedia ada.

"Jadi kewujudan RISDA Holdings dirasakan cukup penting kerana kita hendak segala usaha yang digerakkan atau dijalankan secara syarikat dapat memberi faedah dan membawa manfaat kepada pekebun kecil," katanya.

Dalam pada itu Rahim menjelaskan, prestasi program pembangunan sepanjang 2009 turut mencapai kejayaan memberangsangkan. Program pembangunan yang menjadi teras perkhidmatan RISDA kepada pekebun kecil berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan.

"RISDA membelanjakan lebih kurang 92 peratus daripada bajet yang disusun. Kita mempunyai peruntukan kira-kira RM499 juta untuk pengurusan dan pembangunan.

"Bagaimanapun, kita hanya membelanjakan lebih kurang RM463 juta, sekali gus menjadikan kita antara agensi terbaik di negara ini yang melaksanakan program pembangunannya," katanya.

Isu sensasi pada 2009 adalah pengumuman Perdana

Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai penubuhan konsortium membabitkan RISDA, FELDA dan FELCRA. Apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri, jelas Rahim ialah supaya ketiga-tiga agensi ini bekerjasama dan mencapai kesepakatan yang boleh memberi kebaikan bersama.

Ia membabitkan soal penggunaan kemudahan bersama, berkongsi rangkaian perniagaan, mengelakkan pertindihan logistik, memanfaatkan teknologi secara bersepadu serta menyelaraskan perancangan atau projek. Justeru, menurut beliau, kejayaan dalam kerjasama menubuhkan konsortium terbabit juga secara langsung menjadi sebahagian kebanggaan bagi RISDA.

"Insya-Allah, kita akan melancarkan penubuhan konsortium ini pada Mei ini. Malah, pelancaran konsortium tiga agensi ini akan disekalikan dengan pengenalan satu projek yang kita fikir dapat memberi kesan yang besar kepada pekebun kecil dan besar kemungkinan kita akan bekerjasama dalam pengeluaran baja," ujar Rahim.

Sementara itu, bagi merencanakan program pembangunan pekebun kecil pada 2010, RISDA mensasarkan beberapa fokus utama yang dikenal

pasti dapat meningkatkan lagi kemampuan dan keupayaan agensi berkenaan. Sehubungan itu, RISDA bercadang memperuntukkan bajet sebanyak RM441,091,004 bagi pembangunan 2010.

Sejajar temanya bagi tahun ini iaitu 'membina landasan korporat' maka RISDA menurut Rahim akan dipastikan lebih bersifat komersial dari segi operasi dan aktiviti. Namun, dalam masa yang sama tidak akan mengorbankan tugas dan tanggungjawab sosialnya membantu masyarakat pekebun kecil di seluruh negara.

"Dua langkah yang kita tampilkan ialah menubuhkan bahagian pembangunan korporat bagi memantau segala perjalanan anak syarikat yang berada di bawah RISDA, termasuk RISDA Holdings, manakala langkah berikutnya mengisi pendekatan persyarikatan sebagai budaya baru di RISDA.

"Ini sesuai dengan suasana sekarang yang mana kita memerlukan apa saja pendekatan yang dibuat secara lebih profesional," katanya.

RISDA juga akan menjalankan usaha penyatuan aset dan sumber bagi mengoptimalkan penggunaan serta memaksimumkan pulangan terhadap sebarang